

Usahawan Perlu Bijak Urus Kewangan Bijak

Utusan Malaysia 7 Ogos 2015

ASPEK paling penting dalam perniagaan yang berjaya ialah pengurusan kewangan kewangan yang cekap dan bijak, selain strategi yang berkesan.

Ramai usahawan yang muflis kerana gagal mengurus kewangan dengan baik, malah ada yang tidak dapat membezakan antara kewangan peribadi dan perniagaan mereka, menyebabkan modal perniagaan hilang begitu sahaja dan akhirnya perniagaan terpaksa ditutup.

Sebagai pemilik perniagaan, anda perlu tahu dan mengambil tahu mengenai kewangan perniagaan anda kerana aliran keluar masuk wang merupakan nadi utama perniagaan anda.

Tidak kiralah berapa banyak jualan yang anda lakukan, tetapi apabila anda tidak dapat mengimbangkannya dengan perbelanjaan, anda tidak mungkin memperoleh keuntungan.

Usha tertipu dengan jumlah jualan yang tinggi sedangkan aliran tunai anda berada dalam defisiti secara berpanjangan.

Justeru, sebaik aliran tunai perniagaan anda berada dalam keadaan defisit anda perlu segera memperbetulkan aliran perbelanjaan dan hutang dan membuat strategi perniagaan yang lebih berkesan untuk kembali meraih keuntungan.

Untuk memastikan anda dan perniagaan anda mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh, langkah berikut boleh dijadikan panduan.

Langkah untuk mengurus kewangan perniagaan

Langkah pertama – Analisa kedudukan kewangan dan buat bajet

Analisis kedudukan kewangan semasa dan tentukan sama ada kedudukan kewangan anda mempunyai lebihan atau tidak. Sekiranya anda baru hendak memulakan perniagaan, anda perlu mempunyai akaun yang tepat yang dapat memantau semua wang masuk dan keluar. Setiap bulan, akaun berkenaan mesti diimbangkan untuk melihat kedudukan kewangan anda, sama ada anda mempunyai keuntungan atau tidak. Sekiranya anda berada dalam keadaan defisit (rugi), susun semula perbelanjaan dan hutang anda dan pastikan ia tidak melebihi pendapatan yang anda peroleh pada bulan lalu. Lihat perbelanjaan yang tidak diperlukan, mula berjimat dalam perkara-perkara seperti perjalanan, penggunaan utiliti, kos kenderaan dan sebagainya. Kedudukan kewangan anda perlu diperbaiki setiap bulan sehinggalah anda memperoleh keuntungan. Jangan biarkan orang yang tidak berkenaan membuat keputusan mengenai kewangan atau mengambil wang daripada pelanggan anda. Simpan resit, pesanan belian dan juga jualan untuk rujukan walaupun jumlahnya adalah kecil, kerana kadangkala perkara kecil yang terkumpul yang akhirnya membawa usahawan kekancah kerugian.

Langkah kedua – Mengurus kredit

Untuk memulakan perniagaan, kebanyakan daripada usahawan mendapatkan pinjaman daripada pihak bank. Justeru, pastikan anda mencari peluang pinjaman yang mengenakan caj pinjaman paling rendah dan kompetitif. Buat perbandingan antara bank dan jika boleh, elakkan pinjaman peribadi untuk memulakan perniagaan kerana ia biasanya mengenakan caj pinjaman yang tinggi. Wang pinjaman jangan digunakan untuk membeli barangan seperti kenderaan mewah dan ubah suai

berlebihan yang tiada kena mengena langsung dengan perniagaan. Tumpukan kepada perkara yang perlu seperti stok barangan, komputer, gaji bulanan kakitangan, sistem perakaunan dan sebagainya yang penting dalam melancarkan perniagaan.

Langkah ketiga - Mengurus pelaburan

Mulakan segera pelaburan apabila anda mula meraih keuntungan. Usah terlalu cepat mengembangkan perniagaan, sebaliknya pastikan anda mempunyai sandaran dengan melabur dalam instrumen pelaburan berisiko rendah dan memberi pulangan kompetitif, contohnya Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan ASB2. Biasanya pelaburan ini berbentuk peribadi, dan perlu dilaburkan daripada wang anda sendiri. Tabungan ini penting kerana sebagai pemilik perniagaan atau usahawan, tabungan akan membantu anda apabila keadaan memerlukan dan anda tidak perlu terlalu kerap meminjam. Malah ia juga boleh digunakan untuk mengembangkan perniagaan apabila masanya sesuai.

Langkah keempat – Dapatkan perlindungan insurans

Lindungi diri anda, aset dan perniagaan daripada perkara luar dugaan dengan mengambil insurans atau takaful. Ini penting kerana sekiranya berlaku perkara luar dugaan anda tidak perlu mengeluarkan duit sendiri atau daripada perniagaan anda untuk memulihkan keadaan. Dengan adanya perlindungan, anda akan menerima gantirugi yang setimpal jika ditimpa bencana, dan ia tidak akan mengganggu matlamat perancangan kewangan anda. Namun begitu, jangan berlebihan dalam mendapatkan perlindungan, contohnya anda hanya memerlukan satu insurans/takaful untuk kereta (insuran am) kerana hanya satu boleh dituntut jika berlaku kemalangan.

Langkah kelima – Urus cukai dengan berkesan

Jangan mengambil mudah urusan percukaian. Jika diurus dengan betul, cukai bukan saja memberi lebih tunai, tetapi juga menjuruskan anda untuk berbelanja dalam perkara yang memberi manfaat kepada diri dan perniagaan anda. Kerajaan memberi pelbagai pelepasan untuk perniagaan. Pastikan juga anda mengetahui mengenai insentif yang ditawarkan kerajaan dan anda mengambil peranan aktif dalam pengurusan cukai. Jangan biarkan akauntan anda menguruskan semuanya sedangkan anda adalah pemilik perniagaan yang menguruskan perniagaan dan membuat keputusan perniagaan.

Langkah keenam – Mengumpul aset

Sebagai usahawan anda perlu mengumpul aset untuk perniagaan anda. Pelaburan jangka panjang seperti premis perniagaan, kenderaan untuk perniagaan dan pekerja berpengalaman perlu dirancang dengan baik sebagai sebahagian daripada pelan perniagaan anda. Anda juga perlu mempunyai rancangan penggantian waris sekiranya sebagai persediaan untuk kelangsungan perniagaan anda untuk generasi akan datang. Ambil langkah satu persatu untuk mengumpul aset. Pelan perniagaan jangka panjang akan membolehkan anda terus kompetitif dalam perniagaan.